

SURAT PEKELILING BIL 21/2010

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Kerajaan
Semua Residen Bahagian

**PERKARA: HAD NILAI TRANSAKSI KAD INDEN SHELL DAN JENIS MINYAK BAGI KEGUNAAN
KENDERAAN DAN MOTOR SANGKUT KERAJAAN**

RUJ KAMI: JKM.P/COM/01/013/18

TARIKH: 30 DISEMBER 2010

1. Tujuan:

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pindaan yang dibuat terhadap **nilai setiap transaksi** kad Inden Shell serta **jenis minyak** yang dibenarkan bagi kegunaan kenderaan dan motor sangkut kerajaan.

2. Latarbelakang:

- 2.1 Pihak Shell kini telah menyelaraskan sistem yang dijangka dapat meningkatkan kecekapan proses dan operasi pengurusan kad Inden Shell. Beberapa fungsi dan proses yang didapati menyumbang kepada masalah penggunaan kad Inden telah dikenalpasti oleh pihak Shell dan digantikan dengan sistem yang baru.
- 2.2 Seajar dengan penambahbaikan terhadap sistem ini, maka **nilai setiap transaksi** kad Inden Shell bagi pembelian minyak petrol/diesel serta pembelian **jenis minyak** yang dibenarkan untuk kenderaan dan motor sangkut kerajaan adalah dipinda seperti yang dimaklumkan dalam Perkara 3 Surat Pekeliling ini.

3. JADUAL NILAI HAD TRANSAKSI BARU PENGGUNAAN MINYAK BAGI KENDERAAN-KENDERAAN/ MOTOR SANGKUT RASMI KERAJAAN NEGERI SARAWAK

Jadual A: Kenderaan jabatan (*Departmental pool*) yang menggunakan Kad Inden Shell(*Dual Card System* dan *Mastercard*)

PERKARA	HAD LAMA	HAD BARU
4.1 (i) Had Nilai Mengisi Minyak Bagi Setiap Transaksi	Had Tidak Melebihi RM 100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja)	Had Tidak Melebihi RM 150.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Sahaja)
Had Kekerapan Dan Jumlah Nilai Mengisi Minyak	Had Transaksi Tidak Melebihi Dua (2) Kali Sehari Dan Tidak Melebihi RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) Sehari	Had Transaksi Tidak Melebihi Dua (2) Kali Sehari Dan Tidak Melebihi RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja) Sehari
4.2 Had Pembelian Jenis Minyak	Penggantian <i>Formula Shell Regular Unleaded 92</i> Kepada <i>Fuel Save RON 95</i>	

Jadual B: Enjin Motor Sangkut

PERKARA	NILAI HAD LAMA	NILAI HAD BARU
4.1 (ii) Had Nilai Mengisi Minyak Bagi Setiap Transaksi	Had Tidak Melebihi RM 250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja)	Had Tidak Melebihi RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja)
Had Kekerapan Dan Jumlah Nilai Mengisi Minyak	Had Transaksi Tidak Melebihi Dua (2) Kali Sehari Dan Tidak Melebihi Nilai RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) Sehari	Had Transaksi Tidak Melebihi Dua (2) Kali Sehari Dan Tidak Melebihi Nilai RM 1000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) Sehari
4.2 Had Pembelian Jenis Minyak	Penggantian <i>Formula Shell Regular Unleaded 92</i> Kepada <i>Fuel Save RON 95</i>	

4. Perkhidmatan Superkad

- 4.1 Mulai 1 November 2010, perkhidmatan kad yang sebelum ini diuruskan oleh Superkad Services Sendirian Berhad akan diambil alih oleh pihak Shell Malaysia Trading Sendirian Berhad.
- 4.2 Lanjutan kepada itu, sebarang urusan berkenaan Kad Inden dan Mastercard Shell harus dikemukakan kepada Shell Malaysia Trading Sendirian Berhad di alamat seperti berikut:

**Alamat : Shell Malaysia Trading Sendirian Berhad,
Bangunan Shell Malaysia,
Jalan Changkat Semantan,
Damansara Heights,
50490 WP Kuala Lumpur.**

Tel. No : 03-7494 8181

Fax No : 03-7494 8282


5. Penutup

- 5.1 Ketua jabatan adalah bertanggungjawab memeriksa laporan pembelian minyak setiap bulan bagi memastikan tidak ada sebarang salah guna dalam pembelian minyak tersebut.
- 5.2 Laporan dan pengesahan ketua jabatan hendaklah dihantar ke pejabat ini setiap bulan dan salinan diberi kepada Unit Audit Dalam.
- 5.3 Peraturan ini berkuatkuasa mulai tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.
- 5.4 Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, Perkara 4.1, Perkara 4.2 (Penggunaan Kad Inden Shell Untuk Pembelian Minyak Petrol/Diesel) dan Perkara 5 (Pengeluaran Kad Inden Shell) dalam Surat Pekeliling Bil. 28/2006 adalah dipinda.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



**(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan
SARAWAK**

sk: Setiausaha Kewangan Negeri, Sarawak
Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri
Akauntan Negeri, Sarawak
Pengarah Audit Negara, Cawangan Sarawak